

**ENAKMEN 7 TAHUN 2001
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001**

**BAHAGIAN V - KESALAHAN YANG BERHUBUNG DENGAN KEADILAN DAN KETENTERAMAN
AWAM**

Seksyen 53. Mengganggu perempuan di tempat awam.

Mana-mana orang lelaki mengganggu seorang perempuan yang bukan *mahramnya* di mana-mana tempat awam dengan suatu perbuatan yang boleh menjatuhkan maruah perempuan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
